



27 JUN, 2024

Kontena bermuatan minuman keras disita

Utusan Sarawak, Malaysia



Kontena bermuatan minuman keras disita

DIRAMPAS... Minuman keras dalam kontena yang dirampas oleh pihak JKDM di Pelabuhan Senari Kuching.

RYNNA SHA'ERRA

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menyita sebuah kontena dengan muatan minuman keras (medicated samsu) diimport di Pelabuhan Senari Kuching, baru-baru ini.

Pengarahnya, Norizan Yahya memberitahu semua barangan rampasan itu dianggarkan bernilai RM 672,410 melibatkan nilai duti dan cukai sebanyak RM 123,604.93.

"Pemeriksaan mendapati sebahagian barang rampasan melibatkan 1,664 botol minuman keras dianggarkan bernilai RM270,300 dan melibatkan anggaran duti/cukai bernilai RM58,417.09.

"Barangan rampasan dibawa masuk tanpa Kelulusan Permit Pergerakan seperti yang telah ditetapkan di bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan)(Pindaan) 2022.

"Kontena bersama kesemua barang dagangan tersebut disita kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 133(1)(a) Akta Kastam 1967, iaitu membuat pengiklanan yang tidak betul dan Seksyen 138 Akta yang sama kerana gagal mematuhi Perintah Kastam (Larangan Pemindahan)(Pindaan) 2022," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Norizan berkata, modus operandi adalah ejen membuat pengiklanan tidak betul tanpa memperincikan setiap barangan seperti yang telah ditetapkan dan membawa masuk minuman keras yang dicampur bersama barang dagangan lain.

Barangan kemudian diikrar di dalam satu kontena yang sama bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa dan mengelak keperluan permit pergerakan seperti yang telah ditetapkan di bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan)(Pindaan) 2022.

Menjelang lanjut, beliau berkata kes disiasat di bawah Seksyen 133(1)(a) Akta Kastam 1967 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, bagi kesalahan di bawah Seksyen 138 akta yang sama, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.



27 JUN, 2024

Kontena bermuatan minuman keras disita

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menyita sebuah kontena dengan muatan minuman keras (medicated samsu) diimport di Pelabuhan Senari Kuching, baru-baru ini. Pengarahnya, Norizan Yahya memberitahu semua barangan rampasan itu dianggarkan bernilai RM 672,410 melibatkan nilai duti dan cukai sebanyak RM 123,604.93."Pemeriksaan mendapati sebahagian barang rampasan melibatkan 1,664 botol minuman keras dianggarkan bemilai RM270.300 dan melibatkan anggaran duti/cukai bernilai RM58,417.09.